Perutusan Gabenor

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Industri takaful terus menghadapi persekitaran yang semakin mencabar pada tahun 2004. Landskap kewangan sentiasa mengalami perubahan disebabkan oleh kuasa globalisasi, kemajuan teknologi, saluran pengagihan yang inovatif dan pertemuan aktiviti kewangan yang berterusan dalam pasaran kewangan yang lebih pelbagai dan liberal. Tahap persaingan juga bertambah sengit, bukan sahaja daripada industri takaful sendiri, malahan daripada industri insurans konvensional. Dalam persekitaran yang mencabar ini, pertumbuhan industri takaful terus mapan pada tahun 2004, pada kadar 10.8% dari segi agregat pendapatan caruman dan 13.5% bagi aset kumpulan wang takaful.

Dalam keadaan landskap kewangan yang pesat berubah dan kompetitif, cabaran utama bagi industri takaful adalah untuk mempertingkatkan kemampuan supaya dapat bersaing secara berkesan dalam usaha untuk mengembangkan industri. Oleh yang demikian, adalah penting bagi pengendali takaful untuk lebih fokus dan strategik supaya dapat meningkatkan kelebihan bersaing mereka untuk memberi tindak balas secara proaktif terhadap permintaan pelanggan yang sofistikated dan pelbagai. Kemajuan dari segi inovasi dan kecekapan dalam reka bentuk dan pembangunan produk, peningkatan keupayaan sistem pengagihan, serta standard perkhidmatan dan profesionalisme yang tinggi kini menjadi lebih penting supaya industri boleh memperkukuh kedudukannya dalam landskap kewangan semasa yang kompetitif. Pengukuhan keupayaan dalaman untuk menyelaras dan menyesuaikan kedudukan dalam ketidaktentuan pasaran dan keadaan yang berubah-ubah juga menjadi prasyarat bagi meningkatkan potensi industri. Ini perlu dilakukan dengan mengambil kesempatan daripada peluang yang bertambah serta peluang pertumbuhan baru di peringkat domestik dan global. Untuk tujuan ini, pelaburan yang lebih besar dalam pembangunan modal insan dan teknologi maklumat merupakan bahagian yang penting dalam proses ini.

Inisiatif dasar Bank Negara Malaysia secara strategik menjurus ke arah membina kapasiti dan memperteguh infrastruktur bagi mewujudkan industri takaful yang lebih kukuh dan memberangsangkan, serta teguh dan berdaya tahan. Rangka kerja tadbir urus Syariah yang lebih teratur telah diperkenalkan manakala pembaikan yang ketara telah dibuat atas rangka kerja pengawalseliaan dalam bidang perakaunan dan keperluan penzahiran kewangan, amalan tadbir urus korporat dan infrastruktur perlindungan pengguna. Selain itu, keperluan pengawalseliaan yang berkaitan dengan banktakaful telah diperkenalkan bagi menggalakkan dan memanfaatkan banktakaful sebagai cara penting untuk akses kepada pelanggan bagi melengkapi saluran pengagihan yang sedia ada dalam industri. Bank Negara Malaysia juga telah menyediakan Rangka Kerja Penyeliaan Berasaskan Risiko yang rapi, yang memberi penekanan yang lebih terhadap keberkesanan lembaga pengarah dan pengurusan kanan pengendali takaful dalam mengurus dan mengawal pendedahan kepada risiko pada tahap yang boleh diterima, yang setara dengan kekuatan modal mereka. Di bawah rangka kerja ini, keseluruhan profil pengendali takaful akan dipantau oleh Bank Negara Malaysia secara berterusan dan lebih banyak usaha akan ditumpukan pada bidang-bidang yang berisiko.

Dengan adanya infrastruktur yang lebih kukuh yang terus menyokong perkembangan industri takaful, industri ini berada pada kedudukan yang lebih baik untuk melengkapi industri insurans konvensional bagi mempercepat peningkatan penembusan pasaran insurans, yang pada masa ini berada pada kadar 43.0%, dengan takaful menyumbang sebanyak 5.1%. Terdapat potensi yang besar bagi sektor takaful dan insurans untuk memenuhi keperluan negara secara berkesan dari segi pencapaian jaminan kewangan dan peningkatan kesejahteraan ekonomi negara. Usaha yang berterusan bagi meningkatkan tahap celik kewangan di kalangan orang ramai melalui aktiviti-aktiviti di bawah Program Pendidikan Pengguna dan aktiviti-aktiviti utama yang lain mengenai kewangan Islam adalah penting bagi meningkatkan penembusan pasaran. Oleh yang demikian, untuk terus melangkah ke hadapan, industri takaful perlu meneruskan usaha tersebut.

Dalam membentuk lembaran pembangunan baru yang dapat menjulang industri takaful ke tahap baru yang dinamik, prasyarat utama ialah komitmen yang berterusan dan usaha bersepadu oleh semua pihak yang berkaitan untuk memanfaatkan kemajuan yang telah dicapai dan memacu prestasi supaya dapat menghadapi cabaran persekitaran perniagaan baru dengan berkesan. Akhirnya, tindakan kitalah yang akan membawa kita maju ke hadapan dalam usaha membangunkan industri takaful yang kompetitif, dinamik dan berdaya tahan dalam sistem kewangan Islam yang komprehensif yang menyumbang dengan ketara kepada pembangunan ekonomi secara keseluruhan. Sesungguhnya, ini akan menyumbang ke arah peningkatan prospek bagi mencapai pembangunan yang seimbang dan kemakmuran yang dikongsi bersama secara lebih meluas.



Zeti Akhtar Aziz
Gabenor
19 April 2005